

Headline	Tabung Haji, UMW Holdings serah zakat lebih RM4.6juta kepada Maik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	12	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,435
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,306



JOHAN ABDULLAH (dua dari kanan) bersama **Azmin Che Yusof** (dua dari kiri) menyerahkan replika cek zakat perniagaan kepada **Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan** yang diterima oleh **Tengku Muhammad Fa-iz Petra** (tengah) dalam satu majlis ringkas di **Kuala Lumpur**, semalam. - **UTUSAN/NIZAM NORHISHAM**

Tabung Haji, UMW Holdings serah zakat lebih RM4.6 juta kepada Maik

KUALA LUMPUR 9 Mac - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan UMW Holdings Bhd. (UMW Holdings), hari ini menyerahkan zakat perniagaan masing-masing berjumlah RM4,044,267.79 dan RM600,000 bagi tahun 2014 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik).

Penyerahan zakat itu dilakukan oleh Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Timbalan Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah dan Pengarah Eksekutif Bahagian Khidmat Kewangan Kumpulan UMW Holdings, Azmin Che Yusof kepada Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra yang juga Di Pertua Maik.

Menurut Johan, pembayaran

zakat kepada Maik mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5 peratus atau RM172,536.75 berbanding RM3,871,731.04 pada tahun sebelumnya.

"Peningkatan jumlah keseluruhan pembayaran zakat ini adalah sejajar dengan prestasi dan pencapaian keseluruhan Tabung Haji yang memberangsangkan tahun lalu.

"Kelantan adalah negeri keenam selepas Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Negeri Sembilan dalam siri jelajah penyerahan zakat perniagaan Tabung Haji tahun ini," katanya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Tabung Haji Negeri Kelantan, Muhammad Hamdan Omar.

Menurut Johan, jumlah keseluruhan zakat perniagaan Tabung Haji untuk 2014 adalah RM49.87 juta ber-

banding RM46.29 juta bagi tahun sebelumnya yang dibayar kepada pusat pungutan zakat di semua negeri di Malaysia.

Katanya, pembayaran zakat perniagaan adalah kewajipan dan tanggungjawab Tabung Haji seperti disyariatkan oleh Islam, selain memperlihatkan keprihatinan sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi dan menjamin kebajikan golongan asnaf.

"Selain pembayaran kepada pusat-pusat zakat, Tabung Haji turut mengagihkan zakat secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara menerusi program-program yang disusun atur sepanjang tahu bagi membantu golongan tersebut," katanya.